

PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA UNTUK TENAGA NUKLEAR

3 pelajar lonjak imej negara

→ KuBest
Innovation
Team atasi
188 pasukan
30 negara
anggota IAEA

Oleh Mohammad Ishak
cnews@nstp.com.my

► Jertih

Tiga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Besut, di sini, mengharumkan nama negara apabila dinobatkan juara Program Pembangunan Sumber Manusia Untuk Tenaga Nuklear anjuran Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di Gyeongju, Korea Selatan, Selasa lalu.

Mereka ialah Muhammad

Syazwan Mat Sidik, 17, Muhammad Anuar Abd Ghani, 17, dan Safiyyah Muhammad Nasir, 16, yang berjaya membuktikan kemampuan membanggakan pada pertandingan antarabangsa itu walaupun belajar di sekolah harian biasa di perkampungan nelayan.

Pada pertandingan itu, Malaysia menewaskan empat negara lain pada saingan peringkat akhir, iaitu Amerika Syarikat, Hungary, Jepun dan Korea Selatan.

Pasukan Malaysia dinamakan 'KuBest Innovation Team' yang ditubuhkan pada Disember tahun lalu itu terdahulu berjaya melalui tiga peringkat awal mengatasi 188 pasukan daripada 30 negara anggota IAEA.

Pengetua SMK Kuala Besut, Che Soh Che Mat, berkata mereka menampilkan projek bertajuk *100 Things About Nuclear Science And Life*.

"Pasukan itu membeli tapak di Google Apps dengan memasang aplikasi NBEST yang dapat

dimuat turun seluruh dunia, untuk penyebaran maklumat dan kesedaran mengenai keperluan tenaga nuklear kepada masyarakat.

Keperluan tenaga nuklear

"Usaha itu berkonsep *i-clear about nuclear* di mana masyarakat dapat lebih memahami mengenai tenaga nuklear dan keperluannya dalam kehidupan," katanya.

Pasukan 'KuBest Innovation Team' ditubuhkan bawah projek Unit Inovasi SMK Kuala Besut dan diterajui Ketua Bidang Sains Matematik, Faizul Abd Rahman, dengan dibantu Wan Zul Azri Wan Mod Shatar selaku Guru Penyelaras Projek serta Rohaya Husin yang juga guru di sekolah berkenaan.

Selain itu, pasukan terbabit mendapat kerjasama penuh daripada Agensi Nuklear Malaysia dan dorongan Yang Dipertua PIBG SMK Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Kuala Besut.

Che Soh berkata, melalui temu bual telefon dengan pasukan Malaysia yang masih berada di Gyeongju, mereka mampu menyaingi peserta negara lain hasil kerja keras dan kesungguhan semua tenaga pengajar serta pelajar terbabit.

"Pelajar terbabit mengunjugi jabatan kerajaan dan sekolah berprestasi tinggi serta mendapat kerjasama daripada PIBG dan pembabitan komuniti setempat, untuk mencungkil ilmu mengenai nuklear.

"Kejayaan ini dapat memberi motivasi kepada pelajar lain bahawa walaupun mereka dari sekolah harian biasa di luar bandar, mampu mencipta kejutan pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, pihak Kementerian Pendidikan akan menyambut kepulangan pelajar terbabit dari Korea Selatan yang dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) pada jam 3.30 petang ini.

LAMPIRAN 2
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 1 JUN 2018 (JUMAAT)



www.hmetro.com.my/mymetrotv

Human Resource Development
for Nuclear Power Programmes:
Meeting Challenges to Ensure the
Future Nuclear Workforce Capability



GURU pengiring dan pelajar SMK Kuala Besut dinobatkan juara dalam pertandingan dianjurkan IAEA di Gyeongju, Korea Selatan.

Nama 3 budak kampung gah

■ Pelajar SMK Kuala Besut dinobatkan juara pertandingan 'nuklear' di Korea Selatan

Mohammad Ishak
chews@nstp.com.my

Jertih

Kejayaan gembira yang dicipta tiga pelajar 'kampung' apabila dinobatkan juara Program Pembangunan Sumber Manusia Untuk Tenaga Nuklear anjuran Agensi Tenaga Atom Antara Bangsa (IAEA) di Gyeongju, Korea Selatan, Selasa lalu.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Besut di sini, yang mengharumkan nama negara adalah Muhammad Syazwan Mat Sidik, 17, Muhammad Anuar Abd Ghani, 17, dan Safiyah Muhammad Nasir, 16.

Mereka membuktikan kemampuan di peringkat antarabangsa biarpun belajar di sekolah hujung perkampungan nelayan.

Pada pertandingan itu, Malaysia menewaskan empat negara lain di peringkat akhir iaitu Amerika Syarikat, Hungary, Jepun dan Korea Selatan.

Pasukan Malaysia dinaikkan KuBest Innovation Team ditubuhkan pada Disember tahun lalu itu terdahulu berjaya melalui tiga peringkat awal mengatasi 188 pasukan daripada 30 negara anggota IAEA.

Pengurus SMK Kuala



Besut. Che Soh Che Mat, berkata mereka menampilkkan projek bertajuk 100 Things About Nuclear Science And Life.

"Pasukan itu membeli tapak di Google Apps dengan memasang aplikasi NBEST yang dapat dimuat turun seluruh dunia untuk penyebaran maklumat dan kesedaran mengenai keperluan tenaga nuklear kepada masyarakat.

"Usaha itu menggunakan konsep i clear about nuclear di mana masyarakat dapat memahami tenaga nuklear dan keperluannya dalam kehidupan," katanya.

Pasukan KuBest Innovation Team ditubuhkan bawah projek Unit Inovasi SMK Kuala Besut dan di terajui Ketua Bidang Sains Matematik, Faizul Abd Rahman dengan dibantu Wan Zul Azri Wan Mod Shatar selaku Guru Penyelaras Projek serta Rohaya Husin yang juga guru

di sekolah itu.

Selain itu, pasukan terbabit mendapat kerjajasa penuh Agensi Nuklear Malaysia dan dorongan Yang Dipertua PIBG SMK Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut.

Che Soh berkata, melalui temu bual telefon dengan pasukan Malaysia di Gyeongju, mereka mampu menyahai peserta negara lain hasil kerja keras dan kesungguhan tenaga pengajar serta pelajar terbabit.

"Pelajar terbabit mengunjungi jabatan kerajaan dan sekolah berprestasi tinggi serta mendapat kerjajasa daripada PIBG dan pembabit komuniti setempat untuk mencungkil ilmu mengenai nuklear.

"Kejayaan ini dapat memberi motivasi kepada pelajar lain bahawa walaupun mereka dari sekolah harian biasa di luar bandar, mampu mencipta kejutan pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, pihak Kementerian Pendidikan akan menyambut kepulangan pelajar terbabit dari Korea Selatan yang dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) jam 3.30 petang ini.

LAMPIRAN 3
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 1 JUN 2018 (JUMAAT)

Anak kampung juara dunia pertandingan nuklear

KUALA TERENGGANU 31 Mei - Siapa sangka sebuah perkampungan nelayan di Besut mampu melahirkan juara dunia dalam Pertandingan Pembangunan Sumber Manusia Untuk Tenaga Nuklear yang diadakan di Gyeongju, Korea Selatan, semalam.

Lebih istimewa, dua daripada tiga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut itu pula bukanlah daripada keluarga yang berlatarbelakangkan kerjaya profesional, sebaliknya mereka hanya anak orang kampung yang nekad mahu mencipta sejarah dunia dalam pertandingan itu.

Ketiga-tiga pelajar yang berjaya mengharumkan nama negara tersebut ialah Muhammad Syazwan Mat Sidik, 17; Muhammad Anuar Abd. Ghani, 17; dan Saffyah Muhammad Nasir, 16.

Menurut Guru Penyelaras Projek, Wan Zul Azri Wan Mod Shatar, segala susah payah pasukan itu berbaloi dengan kejayaan itu dan beliau secara peribadi menyifatkan kejayaan itu sebagai kemuncak kecemerlangannya sepanjang berkhidmat dalam bidang perguruan.

"Sebenarnya saya sendiri hampir berputus asa dengan 1,001 dugaan sepanjang menyertai pertandingan ini. Kami perlu melalui tiga fasa dalam pertandingan ini di mana fasa pertama

disertai 188 pasukan dari 30 buah negara. Alhamdulillah, pasukan kami terpilih untuk fasa kedua.

"Namun di sinilah mula menguji kesabaran saya. Cuba bayangkan untuk muat naik video bersaiz 500 mb yang berdurasi hanya tiga minit sahaja saya perlu mengambil masa setengah jam dan saya mencuba lima kali namun semuanya gagal," katanya kepada Bernama melalui applikasi Whatsapp hari ini.

Tiga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Besut mengharumkan nama Malaysia melalui projek persembahan mereka yang bertajuk '100 Perkara Mengenai Sains Nuklear dan Kehidupan (100 Things About Nuclear Science And Life)' dalam pertandingan tersebut petang semalam.

Wan Zul Azri yang masih berada di Korea Selatan ketika ini berkata, kegagalan memuat naik video itu benar-benar menguji kesabarannya, namun kata-kata semangat isterinya, Halisa Mohd. Darus yang menyarankan beliau melakukan solat hajat memohon pertolongan Allah menguatkan semula azamnya untuk membantu pasukannya mara ke peringkat akhir pertandingan itu.

Katanya, untuk itu beliau terpaksa berada di depan komputer riba hampir tiga jam hanya untuk memuat

naik video 500 mb itu, namun gagal dan timbul perasaan sedih serta hampir berdepan dengan situasi itu.

"Namun kuasa Allah dan berkat doa ibu bapa saya serta pihak yang inginkan kemenangan kami, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) telah menghubungi saya melalui e-mel pada sebelah petang hari yang sama memaklumkan tidak perlu muat naik video itu.

"IAEA memaklumkan video boleh dihantar hanya menggunakan 'link' sahaja dan akhirnya kami berjaya menjadi juara dunia setelah menewaskan pasukan dari Amerika Syarikat, Hungary, Jepun dan Korea selaku tuan rumah pertandingan ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Rombongan yang juga guru SMK Kuala Besut, Faizu Abd. Rahman yang berada di Korea berkata, kejayaan itu amat membanggakan kerana Malaysia bukanlah sebuah negara pengeluar tenaga nuklear tetapi pelajar mampu bersaing dengan pasukan negara lain yang lebih maju.

Katanya, bagi memberi keyakinan kepada pelajar, mereka telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti dan menyertai kempen berkaitan nuklear bersama komuniti setempat di Pulau Perhentian terutama apabila pelancong luar negara hadir ke kawasan sekitar.

- BERNAMA

SMK Kuala Besut juara dunia

**Juara program
Pembangunan
Sumber Manusia
Untuk Tenaga
Nuklear**

MOHD TAHA YAACOB

BESUT

Tiga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Besut di sini menempa sejarah apabila menewaskan peserta dari negara Amerika Syarikat, Hungary, Jepun dan Korea dalam pertandingan Program Pembangunan Sumber Manusia Untuk Tenaga Nuklear anjuran Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang berlangsung di Gyeongju, Korea Selatan, kelmarin.

Kejayaan mereka dalam pertandingan peringkat akhir menumpaskan lima negara terbabit sekaligus dinobatkan sebagai juara peringkat dunia yang diumumkan kira-kira 4 petang waktu Malaysia.

Pelajar terbabit Muhammad Syazwan Mat Sidik, 17, Muhammad Anuar Abd Ghani, 17, dan Safiyyah Muhammad Nasir, 16, yang merupakan pelajar sekolah harian biasa.



Pasukan Malaysia dari SMK Kuala Besut selepas diumumkan sebagai juara di Korea Selatan, kelmarin.

Pengetua SMK Kuala Besut, Che Soh Che Mat berkata, beliau menyaksikan keputusan pertandingan yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook salah seorang guru pengiring, Faizul Abd Rahman dari Korea.

Menurutnya, pengumuman pasukan KuBest Innovation Team itu sebagai juara amat mengejutkan kerana mereka berdepan dengan lima negara kuasa besar dalam pengeluaran tenaga nuklear.

"Mereka akan pulang ke tanah air dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) petang ini (Jumaat) sebelum tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa pada jam 9.30 malam.

"Guru dan pelajar sekolah akan menyambut mereka di lapangan terbang itu dan mereka akan diraikan dalam satu

majlis khas pada Isnin depan di Kuala Besut," katanya.

Che Soh berkata lagi, pasukan ini ditubuhkan pada Disember 2017 dan telah melalui tiga pertandingan peringkat awal mengatasi 188 pasukan dari 30 buah negara anggota IAEA.

Menurutnya, pasukan ini ditubuhkan di bawah Projek Unit Inovasi SMK Kuala Besut diketuai Ketua Bidang Sains Matematik sekolah, Faizul Abd Raman dibantu guru penyelaras projek, Wan Zul Azri Wan Mohd Shatar dan seorang lagi guru, Rohaya Husin.

"Pasukan ini mendapat kerjasama sepenuhnya dari Agensi Nuklear Malaysia dan dorongan daripada Yang Dipertua Persatuan Ibu dan Bapa (PIBG) sekolah, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman," katanya.

Che Soh berkata lagi,

walaupun negara bukan negara pengeluar tenaga nuklear tetapi mampu bersaing dengan pasukan negara lain kerana hasil kerja keras dan bersungguh-sungguh guru dan pelajar terbabit.

Menurutnya, sebelum ini mereka telah melawat jabatan-jabatan kerajaan, sekolah berprestasi tinggi selain kerjasama PIBG dan komuniti setempat.

"Kejayaan ini adalah dorongan kepada pelajar lain walaupun dari sekolah harian biasa luar bandar tetapi mampu mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa," katanya.

Che Soh berkata lagi, pasukan tersebut menggunakan tajuk projek, 100 Things About Nuclear Science

info

Tewaskan lima negara kuasa besar dalam pengeluaran tenaga nuklear

And Life dan menggunakan konsep "I clear about nuclear" bagi memastikan masyarakat lebih memahami apa itu tenaga nuklear dan keperluan tenaga tersebut kepada kehidupan.



LAMPIRAN 5
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 1 JUN 2018 (JUMAAT)



SUMBANGAN AIDILFITRI

PENGERUSI SIRIM Berhad, Tan Sri Dr. Ahmad Tajudin Ali dan Presiden dan Ketua pegawai Eksekutif SIRIM, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani (tengah) bergambar bersama anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Pendidikan Nur Kasih Selangor dalam majlis penyampaian sumbangan Hari Raya Aidilfitri dan majlis Iftar Ramadan di SIRIM, Shah Alam, Selangor, semalam.- UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

LAMPIRAN 6

SINAR HARIAN (ISLAM DAN SAINS) : MUKA SURAT 4

TARIKH : 1 JUN 2018 (JUMAAT)



RAMADAN DAN PENEMUAN SAINTIFIK

Ibadah merupakan tujuan hidup manusia. Inilah ketetapan Allah sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah az Zariyat ayat 56, "Tidak Aku jadikan jin dan juga manusia melainkan untuk beribadah kepadaku".

Berhubung ayat ini, Imam Ibn Kathir berkata dalam *Tafsir al Quran al Azim*, "Maksud ayat ini ialah 'Sesungguhnya Aku mencipta mereka agar mereka beribadah kepadaku, bukan kerana Aku memerlukan mereka'".

Kewajipan ibadah puasa adalah berdasarkan firman ALLAH dalam surah al Baqarah ayat 183 yang bermaksud, "Wahai mereka yang beriman, diwajibkan ke atasmu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas mereka yang sebelummu sebagai kamu bertakwa".

Puasa di bulan Ramadan mula di terduskan pada tahun ke dua selepas hijrah Nabi. Puasa itu bermaksud menahan, sementara dalam istilah syarak pula ia bermaksud, 'menahan nafsu dari segala yang membatalkan puasa pada siang hari bermula dari terbit fajar sadik sehingga terbenam matahari'.

Puasa itu mempunyai tingkatan-tingkatannya seperti mana yang dijelaskan oleh Imam al Ghazali di dalam *Al Iym al Umm al Umm*. Puasa mempunyai tiga tingkatan. Tingkat yang terendah, iaitu puasa umum, ialah puasa yang hanya menekankan tentang kepentingan menjaga perbuatan-perbuatan zahir yang boleh membatalkan puasa, seperti makan dan minum. Tingkat yang kedua dikenali sebagai puasa khusus.

Mereka yang berada pada makam ini, tidak hanya meninggalkan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa, tetapi juga turut menjauhkan diri daripada perkataan, pendengaran, penglihatan serta tidak tunduk yang boleh mencacat pahala puasa.

Tingkatan yang tertinggi ialah puasa golongan khusus dan yang khusus.

Puasa ini juga dikenali sebagai puasa hati kerana mereka yang berada di makam ini, akan banyak berzikir kepada ALLAH serta sentiasa mengawal hati mereka daripada dirobohkan oleh cita-cita dan kehendak duniawi yang memperdayakan.

IBADAH DAN SAINS

Ibadah khusus seperti puasa dilakukan berdasarkan dalil al Quran dan Sunnah. Umat Islam melaksanakan ibadah ini sebagai tanggungjawab pengabdian mereka kepada ALLAH. Bukan disebabkan suatu rahsia atau hikmah yang ditemui sains atau yang seumpamanya.

Demikian juga dengan hukum hakam yang qath'i, pasti. Hukum hakam yang qath'i bermaksud hukum hakam yang pasti berdasarkan dalil-dalil kukuh yang disepakati semua ulama. Ia merupakan hukum yang tidak boleh dipertika oleh sesiapa pun.

Antara hukum dalam kategori ini ialah tentang haramnya arak dan daging khinzir. Hukum tentang pengharmanannya ditentukan oleh al Quran dan Sunnah dan bukannya daripada kajian sains.

Seperti mana sabda Nabi, riwayat Bukhari

dan Muslim, "Apabila aku mencegah kamu daripada melakukan sesuatu maka jauhilah ia, dan apabila aku mengarahkan agar kamu melakukan sesuatu maka datangilah ia sedaya upayamu".

Jika sains menemui sesuatu yang kononnya baik tentang arak, ia tidak boleh digunakan untuk menghalalkan arak. Demikian juga, jika sains menemui cara untuk membunuh cacing serta kuman tertentu yang terdapat dalam badan khinzir, hukum tentang haramnya khinzir tetap tidak berubah. Sains ada keterbatasannya sebaliknya ilmu ALLAH mengatasi segala galanya.

Namun tidak dinafikan bahawa setiap ibadah pasti ada kebaikan, rahsia dan hikmatnya. Kadangkala manusia diizinkan ALLAH memahami sedikit sebanyak daripada kebaikannya melalui kajian sains.

Kefahaman saintifik ini sekadar menyedarkan kita bahawa ketetapan ALLAH dan Rasul pasti ada kebaikannya. Penemuan sains ditonjolkan sebagai motivasi untuk menunjukkan bahawa setiap sunnah agama pasti ada

kebaikannya, dan setiap larangan pasti ada keburukannya. Hal ini adalah selari dengan firman ALLAH dalam Surah Al Arafat ayat 157.

RAMADAN DAN PENEMUAN SAINS

Berpuasa di bulan Ramadan amat menyihatkan. Pada tahun 1994, kongres antarabangsa pertama bertema "Kesihatan dan Ramadan" diadakan di Casablanca (First International Congress on Health and Ramadan, January 19-22, 1994, Casablanca, Morocco). Pakar-pakar perubatan dari seluruh dunia telah membentangkan lebih kurang 50 kertas kajian ketika itu.

Ke semua kajian itu mengesahkan puasa pada musim Ramadan tidak mendatangkan sebarang kemudaratan malah sebaliknya ia mampu mencegah serta menyembuhkan pelbagai jenis penyakit yang dihadapi manusia.

Secara dasarnya puasa adalah salah satu proses detoxifikasi yang baik.

Detoksifikasi bermaksud mencuci dan membersihkan badan daripada racun atau toksin. Laporan pakar anestesia dan



DATUK DR DANIAL BIN ZAINAL ABIDIN
(M.B.Ch.B., Akademi)
Danial Zainal Consultancy



INFO

Hukum memasukkan alat ke dalam rongga terbuka untuk pemeriksaan kesihatan.

Syeikh Atiyah Saqr, mantan pengerusi Jawatankuasa Fatwa al Azhar mengatakan puasa pesakit tidak batal kerana ia bukan sesuatu yang mengenyangkan.

Hukum menggunakan pil elak haid.

Fatwa Muasirah Dr Yusuf Qardawi mengatakan, "Secara peribadi saya lebih suka jika persoalan ini dikembalikan menurut fitrah (tanpa penggunaan ubat). Namun jika terdapat ubat yang boleh digunakan oleh wanita untuk menangkahkan kedatangan haidnya, itu boleh dilakukan, namun dengan satu syarat. Hendaklah mereka yakin yang tablet itu tidak merbahaya".

Hukum menerima suntikan serta memasukkan ubat ke dalam rongga.

Dalam Fiqh Sunnah oleh Syed Sabiq, menerima suntikan adalah diharamkan pada bulan Ramadan tidak kira sama ada melalui otot (*intra muscular*), pembuluh darah (*intra venous*), kulit (*subcutaneous*) dan seumpamanya, disebabkan ia memasukkan ubat itu tidak melalui jalan biasa, iaitu melalui mulut.

Namun Syeikh Ibn Jibreel memberi amaran, jika suntikan itu mengandungi bahan-bahan makanan yang menyegarkan pesakit (*nutritional*) dan bukannya ubatan contohnya untuk

menahan kesakitan atau untuk kerehatan, maka puasanya dihukum batal (Fatwa Ramadan, jil. 2, hal. 485; Fatwa No. 433).



Oxford, Dr Razeen Mahroof menunjukkan, walaupun Ramadan memberi penekanan terhadap aspek kerohanian, namun kesan positif terhadap fizikal tetap ada.

Pembakaran lemak untuk menghasilkan tenaga membantu ke arah penurunan berat badan. Penurunan berat badan mengawal penyakit kencing manis serta darah tinggi. Beberapa hari selepas melalui ibadah puasa, paras hormon tertentu, iaitu endorphins, meningkat di dalam darah menjadikan seseorang lebih fokus serta damai. Kenyataan ini dilaporkan di <http://arabnews.com/lifestyle/food/health/article699782.eco>.

Kajian juga menunjukkan proses metabolisme melibatkan karbohidrat (*carbohydrate metabolisme*) menurun ketika berpuasa dan aktiviti pembakaran lemak (*fat oxidation*) meningkat (El-Ali, J. Bey, C. Dangui, J. Increased Fat Oxidation During Ramadan Fasting in Healthy Women: An Adaptive Mechanism For Body Weight Maintenance. Am J Clin Nutr 1996;62:302-7). Proses yang berlaku ini pasti mendatangkan kebaikan ke atas kesihatan seseorang.